

# Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti-Universiti Malaysia (MAPUM) Kali Ke-40



Norharnila Rusli



**Mesyuarat** Majlis Perumahan Universiti-universiti Malaysia (MAPUM) yang dipengerusikan oleh Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) telah memberi kepercayaan kepada UniMAP untuk menjadi hos bagi mesyuarat MAPUM yang ke-40. Kedatangan ahli-ahli MAPUM telah disambut dengan majlis makan malam yang diadakan pada hari Rabu bersamaan dengan 11 November 2009 bertempat di Dewan Capitol, Kangar, Perlis yang turut dihadiri oleh Y. Bhg. Dato' Naib Canselor.

Pada keesokkan harinya, delegasi MAPUM bertolak ke Hatyai dan bermalam di Mayflower Hotel, Hatyai.

Mesyuarat MAPUM diadakan bagi membincangkan isu-isu berkaitan dengan perumahan disemua IPTA di Malaysia. Mesyuarat ini juga dijadikan sebagai satu platform untuk bertukar-tukar pendapat dan idea dalam usaha menambahbaik kemudahan dan infrastruktur di asrama.

Delegasi MAPUM juga dibawa melawat ke Prince of Songkla University untuk melihat kemudahan yang ditawarkan di universiti tersebut disamping bertukar-tukar maklumat bersama pengurusan universiti. Lawatan ini diharap dapat memberi gambaran yang sebenar tentang pengurusan asrama di universiti tersebut.